

**TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEBAJIKAN DAN  
RAMAH MESRA PELAJAR B40  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS) | 11:00 PAGI  
GALERI MAJLIS ARAS 3  
BANGUNAN CANSELORI**

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera

## **SALUTASI**

1. Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima Norlidah Binti Datuk RM Jasni, selaku Penasihat Yayasan Nur Jauhar
2. YBhg. Datuk Pengiran Hj. Mohd Hussein bin Datuk Pengiran Hj. Mohd Tahir, Ahli Lembaga Pengarah Universiti

3. YBhg. Datin Hajah Nurlaila bt Said  
Ahli Lembaga Pengarah Universiti
4. Y.Berusaha Profesor Dr. Ismail Bin Ali  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar &  
Alumni) UMS

Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti,  
Dekan-dekan Fakulti dan Pengarah Pusat,  
Pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Barisan Pengetua Kolej Kediaman, Sahabat Media UMS  
Dan Yang diraikan Pelajar-pelajar yang saya kasihi  
sekalian.

Alhamdulillah, suka saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana diizinkan untuk bersama-sama pada hari ini bagi Penyampaian Bantuan Kebajikan kepada Pelajar Baharu B40 Sesi 2017/2018.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima Norlidah Binti Datuk RM Jasni, selaku Penasihat Yayasan Nur Jauhar kerana sudi hadir pada hari ini dan seterusnya menyampaikan sumbangan bantuan kepada 175 pelajar B40 UMS.

Syabas dan tahniah kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS kerana telah mengambil inisiatif mengadakan majlis pada hari ini dan dalam usaha menjaga kebajikan pelajar-pelajar yang memerlukan di Universiti Malaysia Sabah.

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan dan Hadirin  
Hadirat Sekalian,**

Program ambilan khas B40 merupakan satu program pelaksanaan mekanisme mod kemasukan pelajar baharu bagi isi rumah 40% terendah yang telah dilaksanakan bermula pada sesi kemasukan tahun 2013/2014.

Ia selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Januari 2013 yang bersetuju melaksanakan mekanisme mod kemasukan baharu bagi isi rumah 40% terendah pengurusan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Politeknik bagi pelajar tercicir melalui sistem pemilihan berasaskan prinsip meritokrasi mulai Sesi Akademik 2013/2014.

Dengan keputusan mesyuarat ini, **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** telah mengeluarkan arahan pelaksanaan mekanisme tersebut di setiap IPTA dan Politeknik.

Menerusi program ini, sebanyak 100 tempat ditawarkan bagi setiap sesi akademik di UMS bermula pada tahun 2013. Lantaran keberkesanan kaedah yang digunakan oleh UMS mengenal pasti calon pelajar dan seterusnya menyampaikan surat tawaran kemasukan kepada pelajar dari rumah ke rumah,

pada tahun ini iaitu bagi sesi 2017/2018, sebanyak 200 tempat telah ditawarkan dan seramai 178 pelajar yang telah mendaftar pada bulan September lalu.

Sehingga kini, jumlah pelajar B40 yang berdaftar di UMS adalah seramai 359 pelajar dan insya-Allah seramai 84 lagi pelajar B40 sesi 2014/2015 akan bergraduat pada konvokesyen UMS ke-19 pada 18–20 November 2017 ini.

**Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,**



UMS melalui Tabung Kebajikan Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah memperuntukkan sebanyak RM89,000.00 untuk sumbangan bantuan kepada 178 pelajar baharu B40. Manakala Pusat Alumni UMS juga turut menyumbang sebanyak RM10,000.00 untuk diagihkan kepada semua pelajar baharu B40 yang terlibat. Maka dengan itu, setiap 178 pelajar baharu B40 akan mendapat sumbangan bantuan daripada Universiti sebanyak RM556.18 sen.

Pihak Universiti berharap dengan bantuan ini sekurang-kurangnya dapat membantu pelajar baharu B40 untuk memulakan kehidupan sebagai pelajar tahun pertama di Universiti Malaysia Sabah.

Alhamdulillah, sehingga ke hari ini, UMS belum menerima rungutan atau aduan berkaitan kebajikan pelajar yang diabaikan. Pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar di bawah Timbalan Naib Canselor (HEPA) iaitu Prof. Dr. Ismail Ali sentiasa mengambil berat dalam soal kebajikan pelajar.

Kepada semua pelajar yang hadir pada hari ini, jika terdapat sebarang masalah atau isu-isu berkaitan kebajikan pelajar seperti masalah kewangan, keluarga, pelajaran atau masalah lain mohon berjumpa terus dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk mendapatkan maklumat berkaitan sebarang bantuan kebajikan yang ditawarkan kepada pelajar.

**Para Pelajar yang saya kasihi sekalian,**

Saya berharap kepada semua pelajar di hadapan saya ini, jadikanlah sumbangan ini sebagai satu dorongan dan suntikan semangat untuk berusaha dengan lebih gigih lagi dan seterusnya mendapat kejayaan yang cemerlang dalam akademik dan peningkatan dalam pembangunan sahsiah diri di Universiti. Anda tidak seharusnya menjadikan kemiskinan keluarga sebagai satu alasan untuk tidak meneruskan pengajian. Sesungguhnya, kita patut belajar daripada kesilapan dan kejadian yang menimpa.

Kita juga harus merancang nasib kita kerana kalau kita gagal merancang, bermakna kita merancang untuk menemui kegagalan. Peluang yang diberikan untuk meneruskan pengajian di universiti hendaklah digunakan sebagai landasan bagi kita memperbaiki kehidupan pada masa hadapan. Saya percaya, pihak universiti akan sedaya upaya berusaha untuk membantu pelajar-pelajar yang memerlukan.

**Hadirin Hadirat yang saya muliakan,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima Norlidah Binti Datuk RM Jasni kerana sudi hadir bersama-sama kita pada hari ini dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan bantuan kebajikan kepada pelajar baharu B40. Tidak lupa juga, tahniah kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha untuk menjayakan penganjuran majlis ini.

Besar harapan saya dengan sumbangan ini kita dapat membantu pelajar-pelajar untuk lebih berjaya dalam kehidupan di Universiti dan seterusnya berjaya pada masa hadapan.

Sekian.

Wabillahi al-taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.